

06/05/2000

Kerajaan pegang janji Manila

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia tetap berpegang kepada janji Manila bahawa ia tidak akan menggunakan kekerasan terhadap kumpulan bersenjata yang menculik 21 orang dari Pulau Sipadan bagi memastikan keselamatan tebusan terjamin.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Kerajaan Filipina sudah memberi jaminan untuk mengelak menggunakan kekerasan dan bersetuju dengan cadangan Malaysia bahawa cara terbaik untuk mengakhiri krisis penculikan itu ialah menerusi rundingan.

"Kita perlu berpegang kepada janji mereka kerana ia dalam keupayaan mereka untuk berbuat demikian. Kita sudah menjelaskan kepada Manila bahawa apa-apa tindakan yang perlu harus memastikan ia tidak membahayakan mangsa kerana ia membabitkan rakyat Malaysia dan pelancong asing," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Filipina akan mematuhi janjinya tidak mengambil tindakan tentera terhadap kumpulan bersenjata itu selepas beberapa orang dilaporkan terbunuh dalam pertempuran antara tentera kerajaan dan kumpulan bersenjata Isnin lalu.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga sanggup menjadi sebahagian daripada kumpulan perunding itu kerana kes berkenaan membabitkan rakyat negara ini dan ia mula berlaku di kawasan perairan Malaysia.

"Jika Kerajaan Filipina membenarkan kita berbuat demikian, kita berbesar hati untuk melakukannya," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia mengakui kes penculikan itu adalah di bawah tanggungjawab Filipina dan yakin dengan jaminan yang diberikan kerajaan negara itu sebelum ini.

Ditanya sama ada Malaysia akan membawa krisis itu pada persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini bulan depan, beliau berkata Malaysia mahu krisis itu diselesaikan sebelum persidangan berkenaan bermula.

Sebelum ini, kumpulan penculik itu pernah meminta OIC campurtangan dengan menjadi orang tengah dalam membebaskan tebusan.

Di RANTAU PANJANG, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata kementeriannya tidak membenarkan mana-mana pihak membuat sebarang kenyataan berhubung kes penculikan itu, kecuali Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Katanya, keputusan itu dibuat bagi mengelak berlaku percanggahan laporan yang boleh mewujudkan situasi kurang baik dan mengeruhkan keadaan, terutama keluarga mangsa.

"Kita perlu menghormati kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyerahkan pemantauan berhubung kes itu kepada Norian.

"Jadi saya sendiri tidak meminta sebarang perkembangan laporan mengenai kes penculikan kecuali apabila Norian memikirkan kita perlu dimaklumkan," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan rasmi ke Pejabat Ujian Urin, Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) di Kompleks Imigresen, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas perkembangan terbaru keadaan 10 rakyat Malaysia bersama 11 rakyat asing lain yang dijadikan tebusan oleh kumpulan Abu Sayyaf sejak dua minggu lalu.

Katanya, beliau yakin Ketua Polis Negara itu akan sentiasa menghubungi Kerajaan Malaysia untuk memaklumkan perkembangan terbaru dari semasa ke

semasa .

(END)